

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 30 MEI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 5

## Kuala Lumpur sebagai hab industri digital serantau

### Kuala Lumpur sebagai hab industri digital serantau

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan merancang menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab syarikat pemula dan industri digital serantau dalam usaha melonjakkan lagi aktiviti ekonomi digital negara.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, ekonomi digital merupakan satu daripada tiga sektor strategik bernilai tinggi dan mampu



RAFIZI

merancakkan pelaburan serta menawarkan pekerjaan bergaji tinggi kepada rakyat yang diberi tumpuan oleh Kementerian dalam penstrukturan semula ekonomi negara.

"Sejain melonjakkan industri sedia ada seperti semikonduktor, perkilangan, minyak dan gas, komoditi ke peringkat rantaian nilai yang bernilai tinggi dengan fokus kepada proses penghiliran nilai tinggi, tiga sektor strategik yang diberi tumpuan oleh Kementerian Ekonomi adalah peralihan tenaga ke arah tenaga boleh baharu, ekonomi digital dan keterjaminan makanan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Justeru, tambah beliau, kementerian kini sedang bekerjasama dengan kementerian lain yang terlibat di dalam ekosistem ekonomi digital iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Komunikasi dan Digital serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri untuk merancakkan ekonomi digital negara.

Rafizi menjelaskan, kerjasama itu perlu bagi menyelaraskan sistem sokongan awam yang dilaksanakan melalui pelbagai agensi ke arah pendekatan bersepadu untuk menambah baik ekosistem digital yang lebih berkesan.

"Ini akan meningkatkan jumlah dan prestasi syarikat pemula serta mempercepatkan peralihan sektor swasta kepada ekonomi digital," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerjasama dengan kementerian terlibat juga bertujuan memulakan pembangunan konsep dan penyelarasan fungsi di antara agensi-agensi kerajaan ke arah pelaksanaan kerajaan digital yang menghasilkan produk-produk perkhidmatan awam berasaskan data dan digital secara bersepadu. - *Bernama*